



Agong, Permaisuri lawat mangsa kebakaran

April 28, 2022 @ 6:33pm

KUANTAN: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, melawat empat mangsa kebakaran rumah yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini, hari ini.

Keberangkatan tiba Al-Sultan Abdullah ke lobi utama HTAA pada jam 3.15 petang diiringi Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan anakanda baginda iaitu Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah dan Tengku Panglima Raja, Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah.

Turut berada di HTAA, Pengarah Bomba dan Penyelamat Pahang, Datuk Dr Wan Mohammad Zaidi Wan Isa; Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus dan Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu.

Baginda berdua meluangkan masa hampir 35 minit melawat mangsa di ICU, selain turut mendengar taklimat ringkas Wan Mohammad Zaidi mengenai kebakaran itu sebelum berangkat pulang pada jam 3.55 petang.

Kebakaran membabitkan dua rumah teres jenis semi-D setingkat di Jalan Permatang Badak Perdana 2 di sini, pada jam 3.15 pagi itu turut mengorbankan seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun.

Sementara itu, Wan Mohd Zahari berkata, mangsa yang maut ialah Aisliki Mohd Saupi, manakala mereka yang parah ialah bapa mangsa, Mohd Saupi Mat Daud, 37; Nurolzila Mohd Nor (isteri Mohd Saupi), 31; adik Mohd Saupi, Siti Shaida, 32; dan rakan Mohd Saupi, Mohd Azwan Kali, 35.

"Kebakaran dipercayai bermula di ruang tamu rumah dengan disusuli bunyi letupan sebelum api mula merebak ke rumah jiran yang didiami sepasang suami isteri bersama dua anak.

"Bagaimanapun, penghuni di rumah jiran termasuk seorang bayi perempuan berusia lapan bulan dan kanak-kanak lelaki berusia lima tahun hanya cedera ringan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Wan Mohd Zahari berkata, setakat ini, punca sebenar kebakaran dan anggaran kerugian masih dalam siasatan. – BERNAMA



Al-Sultan Abdullah bersama Tunku Azizah tiba di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) bagi melawat mangsa kebakaran, hari ini. NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG